



## TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PUTRAJAYA 2022 &  
PELANCARAN KEMPEN KEBERSIHAN PERBADANAN  
PUTRAJAYA (BeST PUTRAJAYA 2022)**

**SABTU 24 SEPTEMBER 2022**

**DATARAN PUTRAJAYA, PERBADANAN PUTRAJAYA**

**9.00 PAGI**

**Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.**

- 1. Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi – tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua kita diberi kesempatan untuk berhimpun pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Karnival Putrajaya Tahun 2022 .**
- 2. Saya difahamkan Karnival Putrajaya ini merupakan acara tahunan anjuran Perbadanan Putrajaya. Namun setelah hampir 2 tahun tidak dapat dilaksanakan akibat Pandemik Covid-19 yang melanda negara, pada tahun ini Alhamdulillah kita dapat melaksanakannya kembali.**
- 3. Putrajaya sebagai destinasi dan pusat tumpuan utama acara khususnya yang berskala mega memang tidak dapat dinafikan. Pelbagai acara dan aktiviti telah dirangka sepanjang tahun bagi memenuhi kalender acara Perbadanan Putrajaya. Turut tidak terkecuali adalah Karnival Putrajaya 2022. Syabas saya ucapkan kepada Pihak Perbadanan Putrajaya di atas penganjuran Karnival Putrajaya 2022 ini. Tidak sahaja terhad kepada Komuniti dan Warga Putrajaya, saya yakin para pengunjung dari luar Putrajaya turut bersama-sama berminat mengunjungi karnival ini.**
- 4. Antara objektif utama penganjuran Karnival Putrajaya 2022 ini adalah sebagai landasan terbaik medium penghubung antara Perbadanan Putrajaya selaku Pihak Berkuasa Tempatan dengan segenap lapisan Warga Putrajaya dalam suasana yang santai dan bersahaja.**
- 5. Kemeriahan acara seperti yang dapat kita lihat pada hari ini jelas menunjukkan sinergi dan kerjasama yang jitu berjaya diwujudkan antara Perbadanan Putrajaya dan juga rakan-rakan strategik yang terlibat dalam**

menjayakan penganjuran karnival ini. Sokongan rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan dan juga sektor swasta ini diharapkan berupaya membentuk satu hubungan yang kukuh dan berupaya diteruskan untuk potensi peluang kerjasama pada masa hadapan.

6. Saya mengambil kesempatan ini ingin menzahirkan penghargaan kepada sektor kerajaan, sector swasta, badan-badan korporat yang sudi menjadi rakan strategik dalam menjayakan karnival ini antaranya Bank Islam Malaysia Berhad, Koperasi Perbadanan Putrajaya, Yayasan Wilayah Persekutuan.
7. Alhamdulillah, hasil kerjasama yang jitu ini, terdapat pelbagai aktiviti dan program yang telah berjaya diaturkan. Saya difahamkan terdapat lebih daripada 45 aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang Karnival Putrajaya 2022 ini berlangsung. Sebagai makluman, Karnival Pendidikan & Haluan Kerjaya serta Bazar Usahawan Putrajaya dan Putrajaya Berselawat yang telah berlangsung pada semalam merupakan acara pembukaan bagi Karnival Putrajaya 2022 ini.
8. Program-program ini dirangka meliputi kesemua segmen komuniti di Putrajaya selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, teras kebersamaan dan keterangkuman khususnya dapat diterjemahkan melalui penyertaan Tuan/Puan para pengunjung sekalian.
9. Melihat kepada senarai aktiviti yang dijalankan pula, pelbagai aktiviti menarik merangkumi penyertaan masyarakat segenap peringkat umur telah dirangka, antaranya Belon Udara Panas, Pertandingan Mewarna, Persembahan Kesenian & Kebudayaan, Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat, Sesi Bersama Ikon Usahawan &

**Sukan Negara, Pertandingan Mereka Bentuk *Edible* Landskap, Persembahan Maskot & Costplay, Konsert Rihh KLFM @ Putrajaya serta pelbagai lagi.**

- 10. Di samping itu, dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif, beberapa acara bercorak rekreasi dan riadah seisi keluarga turut diadakan. Antaranya Kayuhan Ceria yang baru sahaja berlangsung pada pagi tadi, Pertandingan Fitness Putrajaya, Sukan Rakyat Keluarga Putrajaya dan banyak lagi. Saya yakin dan percaya, aktiviti-aktiviti riadah sebegini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada hadirin sekalian terutamanya daripada golongan anak muda.**
- 11. Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Pihak Pengurusan dan seluruh warga kerja Perbadanan Putrajaya di atas penganjuran karnival ini. Diharapkan para pengunjung terutamanya Warga Putrajaya dapat memanfaatkan segala aktiviti dan program yang telah diatur untuk kebaikan bersama.**
- 12. Imej Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai bandar pentadbiran berkelas dunia bermakna Perbadanan Putrajaya harus sentiasa mengorak langkah dalam memastikan agenda kelestarian dapat dicapai sekali gus kesejahteraan masyarakat dan warganya terpelihara.**
- 13. Justeru itu, selaras dengan Inisiatif Putrajaya Bandar Hijau 2025, acara pada hari ini turut memfokuskan kepada Pelancaran Kempen Kebersihan Perbadanan Putrajaya (BeST Putrajaya). Untuk makluman hadirin sekalian, objektif utama kempen adalah untuk memperkasa kaedah pencucian di kawasan-kawasan awam yang utama dan aktiviti-aktiviti kebersihan seperti *plogging*, gotong-royong dan pendidikan kesihatan serta kebersihan tandas.**

- 14. Saya yakin dan percaya, kempen kebersihan ini akan mendapat sambutan dan sokongan yang baik daripada Warga dan Komuniti Putrajaya. InsyaAllah, dengan peranan yang dimainkan oleh semua pihak, kita akan dapat memastikan agenda kelestarian Putrajaya dapat dicapai.**
- 15. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan strategik yang bersama-sama membantu memberi sokongan dalam menjayakan program pada hari ini. Semoga segala aktiviti, program dan kempen yang direncanakan ini dapat berjalan dengan lancar, mencapai objektifnya serta mendapat keberkatan Allah S.W.T.**
- 16. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, dengan ini saya merasmikan KARNIVAL PUTRAJAYA 2022 & PELANCARAN KEMPEN KEBERSIHAN PERBADANAN PUTRAJAYA. Sekian, terima kasih.**